

# **TABIAT MEMBACA BUKU MASIH KURANG DALAM KALANGAN PELAJAR MALAYSIA**

**27 November 2015**

**- The Borneo Post Online**



**PRODUK:** Pempamer perkhidmatan perpustakaan menjelaskan mengenai satu produk kepada Kadim (tengah) sambil disaksikan Margaret (dua kanan).

**KUCHING:** Tabiat membaca buku masih berkurangan dalam kalangan pelajar Malaysia, dengan tahap literasi hanya lebih 50 peratus.

Trend meminjam buku daripada perpustakaan turut menurun sebaliknya kunjungan ke perpustakaan adalah meningkat disebabkan kemudahan elektronik dan IT di perpustakaan selain konsep terbuka yang diamalkan di kebanyakan perpustakaan.

Naib Cancellor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi berkata perpustakaan masih memainkan peranan penting dalam membina modal insan menerusi pembelajaran sepanjang hayat.

“Perpustakaan turut menjalankan program yang memberi impak dalam membantu negara melahirkan modal insan yang berkualiti,” katanya pada Majlis Perasmian Seminar Kepustakawan 2015 di sini, kelmarin.

Sementara itu, seminar berkenaan merupakan program tahunan yang menarik ahli perpustakaan dari seluruh negara dan wilayah lain.

Sebanyak 17 kertas kerja dibentangkan pada seminar kali ini menerusi empat sesi iaitu perkhidmatan, sumber, pembangunan modal insan dan infrastruktur.

Dianjurkan oleh Centre for Academic Information Services (CAIS), ia menyasar untuk membincangkan peranan perpustakaan dan pengurusan maklumat bagi mendapatkan idea serta kemahiran baharu.

Ia juga memberi peluang kepada pelbagai institusi untuk berkongsi pengetahuan antara satu sama lain.

Turut hadir Ketua Pustakawan CAIS Margaret Simeng.